

NO. SOALAN: 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]

TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah aduan mengenai salah laku atau kesalahan etika hakim yang telah dibawa kepada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan jika ada, perincikan butir-butir aduan dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas aduan-aduan tersebut; dan
- (b) berapa jumlah alasan penghakiman yang masih belum disediakan oleh para hakim di Mahkamah Tinggi, Rayuan dan Persekutuan yang termasuk dalam kategori penghakiman yang lewat diberikan atau tiada penghakiman langsung yang dibuat meskipun ia wajib dibuat.